

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N33 AIR ITAM

Tuan Speaker & para YB yang dihormati.

Saya mempunyai beberapa soalan.

Pertama, Apakah perancangan Kerajaan negeri untuk pelajar dan belia yg tercicir Pelajaran. Iaitu, pelajar yang berhenti sekolah, tidak sekolah atau dibuang sekolah. Kalau kita melihat program dan perancangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan pusat antaranya TVET, kemasukan ke Giatmara secara percuma, malahan pelajar akan menerima elaun bulanan. Apakah Kerajaan negeri seiring dan mempunyai perancangan utk mengumpul belia yang tercicir Pelajaran ini untuk mengikuti program yang disediakan oleh Kerajaan Pusat?

Kedua, sepertimana yang kita tahu, Penang Hill (dengan izin) ataupun Bukit Bendera ialah satu lokasi pelancongan yang sentiasa dikunjungi oleh para pelancong. Apakah perancangan dari pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan Bukit Bendera ini sentiasa terjaga dalam aspek keselamatan pengunjung dan infrastruktur di Bukit Bendera ini.

Soalan saya yg ketiga, kita sedar mulai 2026, Akta Belia Negara akan bermula dilaksana iaitu, Akta Umur belia sehingga berumur 30 tahun sahaja. Belia merupakan aset yang penting negeri & negara, kerana mereka inilah yang akan menjadi pelapis kepimpinan negeri & negara pada masa hadapan. Apakah rancangan dari pihak Kerajaan untuk memastikan negeri kita mempunyai belia-belua yang mampu bersaing di zaman yang penuh cabaran ini.

Sekian, Terima kasih.

Muhammad Haniff Bin Setafa

N33 Air Itam

Sidang Muda 2024